

16/04/1997

Percepat semua projek

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua projek pembangunan dipercepatkan supaya ia tidak menimbulkan kesulitan, seperti kesesakan lalu lintas yang teruk kepada warga kota.

Sambil menganggap kesesakan itu sebagai suatu keadaan yang tidak dapat dielakkan, Perdana Menteri berkata, penduduk ibu kota harus menjangkakan keadaan paling teruk sebelum keadaan pulih semula.

Beliau berkata, kesesakan lalu lintas yang berlaku sekarang dijangka berakhir apabila pelbagai projek di sekitar ibu kota seperti jalan raya baru, lebuh raya bertingkat, sistem transit rel ringan (LRT) dan kereta api elektrik siap sepenuhnya.

Baru-baru ini, katanya, pembangunan sistem monorel sudah dimulakan sehingga menyebabkan gangguan jalan raya di beberapa kawasan di sekitar Kuala Lumpur.

"Tetapi menunggu semua sistem (pengangkutan) ini siap amat mengambil masa ... dan sementara itu keadaan di Kuala Lumpur akan menjadi lebih buruk sebelum ia pulih semula.

"Ini adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan tetapi seboleh-bolehnya kita mempercepatkan proses pembangunan ini supaya gangguan kepada pengguna boleh dikurangkan seberapa mungkin," katanya.

Beliau berucap di majlis pecah tanah Stesen Sentral di tapak pembangunan bersepadu KL Sentral di sini, malam ini.

Turut hadir, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Sharif; Pengerusi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Tan Sri C Selvarajah dan Pengerusi Eksekutif KL Sentral Sdn Bhd, Datuk Khalid Ahmad.

Projek Stesen Sentral yang dibangunkan oleh Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) menempatkan 12 platform dalam sebuah bangunan enam tingkat dan mampu menyediakan perkhidmatan kepada 140,000 penumpang setiap hari sehingga tahun 2000, dan 100 juta penumpang setahun sehingga tahun 2020.

Ia akan menjadi tumpuan semua perkhidmatan rel seperti LRT, KTM Komuter, kereta api antara bandar KTMB dan Hubungan Rel Ekspres (ERL). ERL juga dihubungkan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di Sepang.

Perdana Menteri berkata, kerajaan kini dalam proses memperbaharui Kuala Lumpur.

(END)